

23 MAY 2000

T.Kemang-Ruslan

PEMBANGKANG LETAK CALON MELAYU SUPAYA PENGUNDI PUNYAI PILIHAN

SEREMBAN, 23 Mei (Bernama) -- Pakatan pembangkang memutuskan untuk meletak calon Melayu bertanding pada pilihan raya kecil kawasan Parlimen Teluk Kemang bagi memberi pilihan kepada pengundi Melayu, kata ketua penerangan parti Keadilan Ruslan Kasim hari ini.

"Saya rasa ini merupakan sejarah kerana pertama kali melalui kerjasama di kalangan parti pembangkang, pembangkang meletakkan calon Melayu bertanding di kawasan itu," katanya.

Ruslan, 41, telah diumumkan sebagai bakal calon pakatan pembangkang yang menggelarkan diri sebagai barisan alternatif bagi kawasan itu.

Ruslan, yang juga ketua perhubungan Keadilan Negeri Sembilan berkata parti pembangkang dalam pakatan itu -- Keadilan, PAS, DAP dan Parti Rakyat Malaysia (PRM) -- telah mula menyusun program untuk sesi ceramah dan pertemuan dengan pengundi.

Katanya pembangkang akan mengutarakan isu yang bersifat tempatan, negeri dan nasional semasa kempen nanti.

"Kita cuba supaya pengundi membuat perubahan daripada segi wakil mereka selepas BN memenangi kawasan ini sejak sekian lama," katanya.

Ruslan yang dilahirkan di Kuala Pilah, mengakui tidak mudah untuk pembangkang memenangi pilihan raya kecil itu tetapi ia tidak mustahil.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang juga pengerusi BN semalam mengumumkan BN akan mencalonkan S.Sothinathan, 40, anak kelahiran Teluk Kemang, bagi pilihan raya kecil itu.

Sothinathan ialah setiausaha politik kepada Menteri Kerja Raya Datuk Seri S.Samy Vellu, yang juga Presiden MIC.

Penamaan calon ditetapkan pada 30 Mei dan pengundian pada 10 Jun. Pilihan raya kecil itu diadakan berikutan kematian penyandang S.A.Anpalangan dari BN pada 28 April lepas.

-- BERNAMA

AZ NMO